

LESSON STUDY : APLIKASI PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH (PBM) DALAM MATEMATIK AKADEMIK

Haslina Jaafar, Khalidah Othman, Saodah Ismail & Aminah Hj. Samsudin
Jabatan Sains dan Matematik

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan PBM melalui Lesson Study. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti PBM sebagai salah satu strategi yang sesuai bagi topik Bentuk 3-Dimensi dalam Matematik Akademik, mengetahui sejauh mana keberkesanan Lesson Study dalam pengajaran dan pembelajaran topik tersebut dan mengenalpasti aplikasi PBM melalui Lesson Study sebagai salah satu amalan pedagogi yang terbaik. Seramai 4 orang pensyarah Matematik (pengkaji) dan 51 orang pelajar semester 2 PPISMP Ambilan Jun 2011 di IPGKIK yang mengambil Matematik Akademik terlibat dengan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman lampau belajar topik 3-Dimensi hanyalah berpusatkan guru, penyampaian maklumat sehala dan tiada peluang untuk meneroka. Responden mencadangkan PdP berpusatkan murid, aktiviti berkumpulan dan maklumat diperolehi secara kolaboratif. Aplikasi PBM melalui Lesson Study menunjukkan pelajar dapat bekerja secara kolaboratif dalam kumpulan kecil, meneroka dan akhirnya menghasilkan ciptaan. Kolaboratif dikalangan pensyarah pula dapat meningkatkan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran, kemahiran pedagogi dan profesionalisme keguruan. Disamping itu, keakraban dan kemesraan juga dapat dipertingkatkan.

Kata kunci : Pembelajaran Berasaskan Masalah, Lesson Study, PPISMP, kolaboratif